



**MALYSIAN SOCIETY OF AGRICULTURAL AND FOOD ENGINEERS**  
Est. 1982



SEBARAN UNTUK AHLI SAHAJA

TERBITAN : 01/2025

### KUNJUNGAN HORMAT EXCO MSAE KE INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)

Kunjungan hormat bersama YBrs. Dr. Ahmad Safuan Bujang, Pengarah Pusat Penyelidikan Kejuruteraan (ER) MARDI, telah diadakan pada 18 Februari 2025. Program ini bertujuan untuk memperkuat kerjasama dan perkongsian ilmu antara MARDI dan pihak berkaitan dalam bidang kejuruteraan pertanian. Kunjungan hormat ini diketuai oleh Presiden MSAE, Prof. Ts. Dr. Rosnah binti Shamsudin, ditemani beberapa Exco MSAE.



Gambar 1: Kunjungan Hormat MSAE ke MARDI

### MESYUARAT AGUNG TAHUNAN MSAE KALI KE-42

Pada 20 Februari 2025, MSAE telah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan ke-42. Ahli-ahli dimaklumkan tentang pembubaran Ahli Jawatankuasa MSAE untuk sesi 2023/2025 serta beberapa maklumat penting mengenai aktiviti terdekat MSAE. Mesyuarat ini diadakan secara atas talian, di mana perbincangan melibatkan laporan tahunan, kewangan, cadangan strategik, dan isu-isu semasa berkaitan kejuruteraan pertanian dan makanan. Pelantikan Ahli Jawatankuasa MSAE baru untuk sesi 2025/2027 dilakukan melalui undian ahli MSAE.



Gambar 2: Ahli MSAE yang menghadiri AGM



Gambar 3: AGM ke-42 yang diadakan secara atas talian



Gambar 4: Exco MSAE di bilik sidang



Gambar 5: Exco MSAE di bilik sidang

## SENARAI EXCO MSAE SESI 2025-2027

**Presiden:** Prof. Ts. Dr. Rosnah Shamsudin

**Timbalan Presiden (Pentadbiran):** Ts. Dr Muhammad Hazwan Hamzah

**Timbalan Presiden (Teknikal):** Dr. Maimunah Mohd Ali

**Setiausaha:** Dr. Mahirah Jahari

**Timbalan Setiausaha:** Dr. Hanisah Kamilah Abd. Razak

**Bendahari:** Ts. Aminulrashid Mohamed @ Ibrahim

**Timbalan Bendahari:** Ts. Mohd Hafizz Wondi

### Exco:

1. Dr. Mohd Nazren Radzuan
2. Puan Rosnani Hassan
3. Encik Mohammad Zamani Safie
4. Ts. Gan Kok Yong

### Juruaudit:

1. Ts. Dr. Nur Azuan Husin
2. Dr. Aimi Athirah binti Aznan

## PROGRAM 11<sup>th</sup> SOUTHEAST ASIAN AGRICULTURAL AND FOOD ENGINEERING STUDENT CHAPTER ANNUAL REGIONAL CONVENTION (ARC 2025) ANJURAN BERSAMA MSAE DAN MAEJO UNIVERSITY

Pada 23 hingga 27 Februari 2025 yang lalu, ARC 2025, program anjuran bersama Maejo University dan MSAE telah diadakan dengan jayanya. Program yang bertempat di Chiang Mai, Thailand bertemakan "*Intelligent in Agriculture and Novelty in Agfood Industry*" ini merangkumi program seperti pertandingan poster, lawatan teknikal, *MyCobot Challenge*, dan banyak lagi aktiviti menarik yang telah dianjurkan dengan jayanya.



Gambar 6: Presiden MSAE Bersama Naib Presiden dan Wakil dari Maejo Univeristy



Gambar 7: Peserta ARC 2025 semasa lawatan teknikal



Gambar 8: Pembuatan Crispy Rice Cracker



Gambar 9: Pelajar UPM semasa Mycobot Challenge